

09/01/1997

5 elemen latihan Nusa Mahsuri

Halmi Samad; Hussain Said

PENUBUHAN Nusa Mahsuri biarpun masih setahun jagung namun kejayaannya membimbing pemain perseorangan negara dalam menongkah arus kejohanan utama badminton dunia, harus dihargai.

Kecekalan sememangnya menjadi milik Pengarah Urusan, Jalani Sidek serta rakan-rakan yang merealisasikan impian penubuhan syarikat yang menguruskan pemain profesional itu sejak 1995.

Biarpun permulaannya terpaksa menempuh liku-liku yang mencabar keinsanan seseorang namun ibarat 'menyeluk pekasam biar ke pengkal lengan' mereka berjuang menterjemahkan ilusi yang dicipta menjadi nyata.

Kadangkala cabaran itu menuntut segenap pengorbanan yang bisa mencabar dan menduga kesabaran. Kalau tersilap mencongak langkah, mungkin segala-gala yang sudah dibina akan roboh jua akhirnya.

Walaupun dihambat kerunsingan impian murni tidak tercapai namun kini Nusa Mahsuri tidak mungkin berpaling lagi berikutan pemain asuhan mula menakluk dunia badminton.

Pemain utamanya, Rashid Sidek yang sering dijuluki 'jaguh kampung' kini bermegah dengan ranking ketiga dunia manakala Ong Ewe Hock pula berjaya menempatkan diri antara sepuluh pemain terbaik antarabangsa.

Bukankah itu satu pencapaian cukup melegakan kalau mengambilkira segala tekanan demi tekanan yang mungkin bertujuan melemahkan semangat pengurusan Nusa Mahsuri.

Manakala tiga lagi pemain, Yong Hock Kin, Pang Chen serta Roslin Hashim walaupun masih diulit mimpi indah, sudah mula menunjukkan serlahan yang menjanjikan butir-butir permata buat negara.

Tetapi mungkin berkat bimbingan bekas jaguh handalan dunia, Misbun Sidek, ketiga-tiga pemain berkenaan mampu mengecapi nikmat yang sedang dinikmati oleh Rashid dan Ewe Hock.

Seorang lagi pemain - Ismail Saman kini sedang mengetuk pintu harapan dan moga-moga dengan kesungguhannya mahu mencipta nama besar seperti Rashid dan Ewe Hock, hajatnya akan kesampaian juga.

"Setakat ini, kami berpuas hati dengan peningkatan aksi mereka. Mereka cukup bersemangat untuk memberi yang terbaik kepada Nusa Mahsuri. Selain itu mereka turut menetapkan matlamat mereka yang tersendiri," kata Jalani.

Pun begitu, masih terasa alunan bait-bait kecaman dan suara sumbang yang menyatakan kejayaan pemain Nusa Mahsuri itu hasil didikan utama dari Persatuan Badminton Malaysia (BAM).

Tiada siapa dapat menafikan itu, mereka adalah hasil dari projek BAM tetapi usaha Nusa Mahsuri juga harus dicemburui kerana menambah ramuan yang sedia ada pada pemain untuk mengungguli pentas badminton.

Tetapi mulai tahun ini, Nusa Mahsuri menetapkan matlamat semua pemain dibawah jagaannya berada dalam kelompok 10 pemain terbaik dunia seperti mana yang dilakukan oleh Indonesia.

Walaupun impian itu melangit tinggi, tetapi tidak mustahil mereka dapat membuktikan omong-omong kosong itu.

"Tidak mustahil ianya dapat digapai. Asalkan kita ada kemahuan dan disiplin serta komitmen yang tinggi ia akan berjaya direalisasikan. Mereka boleh, mengapa kita tidak?," kata Jalani.

Selain itu, Jalani menggariskan lima perkara yang harus ada untuk mencapai impian itu.

Sokongan, inisiatif, kesungguhan, disiplin dan usaha adalah elemen penting untuk mencapai sasaran yang dikehendaki.

"Kami sudah sediakan segalanya kepada pemain. Terpulang kepada pemain menentu haluan masing-masing terutama di atas gelanggang," katanya.

Selain itu, desas-desus yang mengaitkan hubungan yang kurang harmonis antara pihaknya dan badan induk, BAM, Jalani, menolak andaian itu.

Menurut Jalani, pihaknya sentiasa menjalinkan hubungan baik dengan BAM bahkan mendaftar pemain melalui badan induk itu.

"Apa yang penting, saling hormat-menghormati antara satu sama lain adalah aspek yang perlu ditekankan. Tidak perlu berbalah sebaliknya semangat kenegaraan hendaklah disemai," katanya.

Menurutnya lagi, dengan tujuan yang sama iaitu melahirkan jaguh badminton dunia, apa yang penting ialah semangat kekeluargaan harus wujud diantara kedua-dua pihak.

Apapun, Nusa Mahsuri mula mengorak langkah untuk membentuk barisan pelapis dan antara usaha terbaru mereka ialah menubuhkan akademi badminton bagi melatih pemain-pemain muda.

"Kami memang berhasrat untuk menubuhkan akademi untuk melatih pemain muda tetapi kami masih memerlukan sumber kewangan. Lagipun, ianya memerlukan perancangan yang teliti," katanya.

Setakat ini, syarikat profesional itu sudah mempunyai dua anak didik yang masih muda dalam lingkungan umur 13 serta 16 tahun dan sudah mula menerima bimbingan dan tunjuk ajar dari ketua jurulatih, Misbun Sidek.

Selain menjalani latihan selama dua jam dari pukul 7 malam hingga 9 malam mereka kadang turut berlatih bersama-sama dengan abang-abang profesional yang lain.

"Buat masa ini Nusa Mahsuri hanya mengambil dua anak muda ini untuk dilatih. Kami kekurangan jurulatih kerana jurulatih yang sedia ada turut memberi perhatian kepada pemain profesional.

"Kami juga bercadang untuk menghantar mereka menyertai kejohanan kebangsaan terlebih dahulu tetapi jika prestasi yang ditunjukkan meningkat, mungkin ke pentas antarabangsa pula," katanya.

Menurutnya lagi, memang hajatnya untuk melahirkan pemain pelapis yang berwibawa supaya dapat mengangkat martabat negara memandangkan negara lain berlumba-lumba menampilkan bakat baru mereka dalam setiap kejohanan.

Jika diperhalusi, hasrat Jalani mungkin menjadi kenyataan. Apa yang penting, jika semua pihak bersatu hati dan tekad ianya tidak mustahil dilakukan.

Yang nyata, antara BAM dan Nusa Mahsuri, masih ada perjuangan yang belum selesai. Tetapi biarpun di atas landasan berbeza, satu kepastian nyata nama Malaysia yang juga mahu dijujung.

Lantaran itu, ada lebih baik kalau usaha untuk mengharumkan nama pertiwi diuruskan dalam satu bentuk kesatuan yang lebih mantap kerana bersatu teguh bercerai roboh. Ternyata kesatuan yang kukuh mampu meraih kejayaan. Lima asas yang mahu dicapai pengurusan Nusa Mahsuri

* Sokongan - sesudah berpenat lelah menegak tiang seri Nusa Mahsuri termasuk menempuhi onak, pengurusan diketuai Jalani Sidek dan adik beradiknya amat mengharap sokongan serta ihsan pihak-pihak swasta untuk menyalurkan tajaan khususnya berbentuk wang ringgit.

Jelas, dengan prestasi anak-anak buahnya seperti Rashid Sidek, Ong Ewe Hock, Pang Chen dan Yong Hock Kin kian memuncak menakluk dunia, Nusa Mahsuri tidak wajar disisihkan.

Sebaliknya pihak-pihak swasta harus lebih berani menghulur tali bantuan kerana perjuangan Nusa Mahsuri pun berlandaskan satu tujuan - mengharumkan nama Malaysia dalam arena badminton dunia.

* Inisiatif - adalah menjadi satu kewajaran andainya pemain-pemain tidak hanya berpeluk tubuh seolah-olah soldadu yang taat menunggu perintah ketua. Sebaliknya pemain-pemain Nusa Mahsuri wajar memulakan sesuatu tanpa disuruh.

* Kesungguhan - elemen ini begitu dititikberatkan kerana tanpa kesungguhan segala-galanya tidak menjadi. Andainya seseorang pemain itu dianugerahi bakat paling menonjol, namun tanpa kesungguhan, dia tidak akan mampu pergi ke mana-mana.

Pendek kata, kesungguhan adalah kunci kejayaan yang mesti dimiliki oleh seseorang pemain kalau mahu mendominasi musuh dalam masa singkat.

* Disiplin - tanpa disiplin, pemain yang baik dan cemerlang sekalipun akan musnah dalam sekelip mata. Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sering mengingatkan ahli sukan supaya sentiasa mengamalkan disiplin sejati untuk menguasai gelanggang aksi.

* Usaha - sesudah tidak perlu lagi keresahan memikirkan tajaan wang ringgit, pemain Nusa Mahsuri mesti membancuh resepi inisiatif, kesungguhan, disiplin dan usaha untuk menjadi juara dunia dalam masa singkat.

(END)